

Isteri ketua kampung mati dibunuh

Suami cedera dalam kejadian samun di rumah mangsa di Felda Mengkuang

Oleh **ROSILAWATI ROSEDI BERA**

Seorang wanita maut dipercayai dibunuh di rumahnya di Felda Mengkuang di sini dalam satu kejadian samun, pada Selasa.

Pemangku Ketua Polis Daerah Bera, Deputy Superintendan N.Kumaran berkata, mangsa berusia 52

tahun yang juga isteri ketua kampung dipercayai telah dijerut dengan kabel pengecas telefon.



N.KUMARAN

Menurut beliau, wanita itu ditemui meninggal dunia di tempat kejadian, manakala suami mangsa mengalami kecederaan di bahagian kepala dan pengsan akibat dipukul.

"Polis menerima maklumat kejadian pada jam 10.45 pagi iaitu seorang wanita mati dipercayai dibunuh di rumahnya.

"Suspek dipercayai telah masuk ke dalam rumah itu kira-kira jam 7.30 pagi melalui pintu belakang dan masuk ke bilik mangsa.

"Mangsa dipercayai dijerut dengan kabel pengecas telefon dan penjenayah turut mencederakan suami mangsa," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Beliau berkata, suspek dipercayai telah melarikan wang tunai kira-kira RM6,000 bersama kereta jenis Honda City berwarna perak dengan nombor pen-



Rumah di Felda Mengkuang di mana isteri ketua kampung mati dibunuh dalam kejadian samun.

daftar DAD 9799 milik suami mangsa.

Jelasnya, kes itu masih dalam siasatan dan usaha mensesatkan suspek kini sedang giat

dilakukan.

Beliau mengharapkan kerjasama orang ramai yang mempunyai maklumat dan melihat kenderaan itu dapat segera me-

laporkan kepada balai polis berhampiran.

"Pihak polis telah membuka siasatan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan," ujarnya.